

Dr. M: Agensi berita Selatan perlu wujud jaringan kerjasama

Oleh ROHANI IBRAHIM

KUALA LUMPUR 8 Jun - Agensi berita nasional di negara-negara Selatan perlu mewujudkan jaringan dan kerjasama dalam pertukaran maklumat dan berita daripada negara masing-masing, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, kerjasama sedemikian dapat mengurangkan amalan bergantung kepada agensi berita antarabangsa yang dikuasai oleh Barat.

"Berita-berita daripada agensi berita antarabangsa kebanyakannya tidak tepat dan melihat sesuatu isu daripada sudut negatif.

"Ini boleh merugikan sesebuah negara kerana kadangkala ia boleh menyebabkan pelabur enggan membuat pelaburan ataupun mengelirukan masyarakat dunia," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap pada majlis makan

malam sempena Perhimpunan Agung Ke-1² Pertubuhan Agensi Berita Asia Pasifik (OANA) di Hotel Sheraton Imperial di sini malam ini.

Perhimpunan berkenaan yang bermula semalam dihadiri oleh lebih 100 pengamal media serantau dari 25 agensi berita dan 24 negara.

Tambah Dr. Mahathir, media Barat tidak pernah melaporkan mengenai masyarakat berbilang kaum yang hidup aman damai di negara ini.

"Sebaliknya mereka sering memberikan gambaran seolah-olah api perkauman masih lagi menyala di negara ini dan pergolakan kaum boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja," katanya lagi.

Kadangkala, tambah Dr. Mahathir, penulis daripada negara Barat yang menulis tentang Malaysia hanya berada di dalam negara ini untuk seketika sahaja, bagai-

manapun mereka akan menulis mengenai Malaysia 20 tahun daripada sekarang.

"Saya rasa mereka mempunyai kuasa mistik dalam melakukan perkara ini," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, agensi berita antarabangsa katanya, hanya memberikan laporan yang tepat mengenai negara asal mereka dan berita-berita yang mempunyai kepentingan sahaja.

"Oleh itu agensi berita nasional seperti *Bernama* perlu memastikan laporan mereka dapat disalurkan ke luar negara supaya gambaran dan imej sebenar Malaysia dapat diketahui oleh masyarakat luar," katanya lagi.

Beliau berkata, ini akan dapat menangkis berita berunsur negatif yang dibuat oleh agensi berita antarabangsa bagi tujuan memburukkan imej Malaysia.



TUN DR. MAHATHIR Mohamad beramah mesra dengan wakil-wakil daripada agensi berita nasional luar negara ketika menghadiri majlis makan malam OANA di Kuala Lumpur, malam tadi.